

Sinar Harian 2/11/2019 m/s 10

Nelayan, NGO bantah projek PSR

**Lebih 3,000
dijangka sertai
demonstrasi
aman
Isnin ini**

RAIHAM SANUSI

SHAH ALAM

Lebih 3,000 nelayan dan ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO) alam sekitar dijangka berhimpun bagi membantah projek Tambak Laut Selatan Pulau Pinang (PSR) pada Hari Solidariti Nelayan di Padang Kota Lama, Pulau Pinang Isnin ini.

Pengerusi Persatuan Nelayan Pulau Pinang (Pen Mutiara), Nazri Ahmad berkata, demonstrasi aman dijangka bermula jam 10 pagi hingga 2 petang itu diadakan sempena pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada hari tersebut.

"Pada Hari Solidariti Nelayan, kita akan serahkan memorandum bantahan projek PSR kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow atau wa-

kil beliau dengan harapan kerajaan negeri mendengar rintihan kami.

"Kami sangat berharap cadangan projek itu tidak diteruskan kerana ia dijangka beri impak buruk kepada alam sekitar dan menjejaskan pendapatan nelayan," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Menurutnya, demonstrasi aman itu juga bertujuan mendesak kerajaan negeri lebih peka dengan isu alam sekitar dan pada masa sama memberi kesedaran kepada orang awam mengenai kepentingan menjaga sumber keselamatan makanan.

Nazri berkata, bantahan itu dilakukan dengan kerjasama NGO Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA), Penang Forum, Sahabat Alam Malaysia (SAM), Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Gerakan Pembela Ummah (Ummah) Pulau Pinang dan beberapa lagi NGO.

"Pada demonstrasi itu nanti, peserta akan berarak sejauh 500 meter dengan memegang plakad membantah projek berkenaan.

"Ceramah turut diadakan mengenai kesan buruk projek itu dan pementasan



Nelayan pesisir pantai Pulau Pinang mendakwa hasil tangkapan ikan semakin berkurangan dan pendapatan mereka terjejas akibat tambak laut di Pulau Pinang.

teater nelayan serta alam sekitar yang berkait dengan kesan buruk yang akan berlaku jika projek mega itu dilaksanakan," katanya.

PSR adalah rancangan kerajaan negeri untuk menebus guna sebanyak 1,821 hektar kawasan laut bagi membina tiga pulau buatan merentang dari selatan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ke arah timur sekitar Permatang Damar Laut bagi membiayai projek Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP).

PTMP adalah projek

inisiatif kerajaan negeri dengan kos dianggarkan berjumlah RM46 bilion yang merangkumi pembinaan terowong dasar laut menghubungkan bahagian pulau ke tanah besar, lebuh raya, LRT, monorel serta rangkaian laluan bas secara menyeluruh di bahagian pulau dan tanah besar.

Namun, projek tersebut didakwa akan menjejaskan lebih 5,000 nelayan di Pulau Pinang hingga mendorong nelayan dan NGO alam sekitar melakukan bantahan demi bantahan.

Ita termasuk himpunan 'Menolak Projek Penambakan di Pulau Pinang' yang menyaksikan seramai 110 peserta terdiri daripada nelayan dan ahli NGO berarak dari Tugu Negara, Kuala Lumpur ke bangunan Parlimen pada 11 Julai lalu.

Sementara itu, Ummah Pulau Pinang akan berdiri teguh dengan persatuan nelayan tersebut bagi mendepani isu PSR selepas mendapat aduan daripada nelayan yang terjejas sehinggalah membawa kepada Himpunan Ummah



NAZRI



MOHD AKHIR

Selamatkan Pulau Pinang pada 8 September lalu.

Pengerusinya, Mohd Akhir Che Mat berkata, himpunan dan bantahan daripada NGO serta persatuan nelayan telah berjaya menghimpunkan lebih 6,000 rakyat Pulau Pinang bagi membantah PSR.